



MELAYU ISLAM BERAJA

TAHUN 3

A] Baca petikan di bawah ini dan jawab soalan fahaman berikut. (10 markah)

Menjaga keselamatan bermaksud menjaga diri dari sesuatu yang boleh membahayakan diri. Setiap orang perlu mengambil peduli tentang keselamatan diri sendiri. Kemalangan boleh berlaku pada bila-bila masa dan tidak mengira tempat sama ada di sekolah atau tempat bermain. Walau bagaimanapun, jika tidak berhati-hati, ia boleh menjadi tempat yang mendatangkan bahaya. Contohnya, lantai yang basah boleh menyebabkan sesiapa sahaja yang melintas cedera kerana tergelincir.

Kita perlu tahu menilai kawan yang boleh dipercayai atau tidak boleh dipercayai terutama orang yang baru sahaja kita kenali. Amalkan membaca doa sebelum membuat sebarang pekerjaan supaya diri kita sentiasa dilindungi dan terpelihara daripada bahaya. Tanamkan sifat-sifat yang baik dalam diri sendiri, iaitu bertanggungjawab, kesedaran, mendengar nasihat dan berhati-hati.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan menjaga keselamatan?

2. Di mana dan bilakah kemalangan boleh berlaku?

3. Jika kita tidak berhati-hati, kemalangan boleh berlaku. Sila berikan contoh.

4. Apakah yang perlu diamalkan agar diri kita sentiasa dilindungi dan dipelihara daripada bahaya?

**MELAYU ISLAM BERAJA****TAHUN 3**

5. Tuliskan 4 sifat-sifat yang baik yang perlu ditanamkan untuk menjaga keselamatan diri kita?

B Tandakan (B) bagi ayat yang betul dan (S) bagi ayat yang salah. (8 markah)

		B	S
1	Dalam kalendar Masihi terdapat 12 bulan dalam setahun.		
2	Mengamalkan sikap saling pentingkan diri sendiri menjadikan negara ini aman dan damai.		
3	Negara Brunei Darussalam terdiri daripada 6 puak.		
4	Tidak menghormati jiran.		
5	Membantu jiran ketika susah.		
6	Bercakap jujur pada ibu bapa.		
7	Jangan mudah percaya kepada orang yang baru dikenali.		
8	Amalkan membaca buku apabila masuk ke tandas.		